


Taman seni dan budi dalam kampus

UB 7.1.2018 82



CATATAN KANVAS KOYAK
DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

SEJAK universiti menjadi pusat ilmu apabila idea pembentukan institusi tersebut dimulakan oleh ahli filsuf Greek seperti Plato dan Aristotle di Lycuem maka terbinalah salah sebuah universiti tertua di dunia.

Universiti adalah pusat mencari kebenaran dan membentuk hati budi manusia yang bermaruah serta bermoral secara universal. Universiti dan institusi pengajian tinggi adalah titik pertemuan di mana mahasiswa mahasiswa serta pensyarah bertemu untuk tujuan mengumpul dan membina ilmu.

Sejak itu terdapat beberapa universiti yang dibina di Eropah, Timur tengah dan juga Asia sebagai pusat pengajian tertua di Eropah misalnya Universiti Bologna dan Al-Azhar menjadi universiti Islam yang tertua.

Universiti mempunyai kawasan di mana terletak bangunan pentadbiran, asrama pelajar serta bilik kuliah untuk pengajian mahasiswa, sedang kampus adalah ruang serta kawasan, asrama, ruangan kajian serta rekreasi dan juga semua infrastruktur yang memudahkan sesebuah komuniti membentuk kehidupan mereka dalam kawasan tersebut.

Menyediakan tempat menuntut ilmu kepada pelajar belum dianggap sempurna jika tidak mengadakan suasana keselesaan dari aspek fizikal dan mental. Oleh sebab pelajar adalah terdiri dari insan yang juga memerlukan

keselesaan serta tempat beristirahat selepas bertungkus-lumus memerah otak di dalam bilik kuliah.

Oleh sebab itu kewujudan karya seni yang berbagai bentuk dan aliran di dalam kampus pusat pengajian adalah amat penting bukan sahaja berfungsi sebagai mengindahkannya kawasan ataupun sebagai tanda merakam sesuatu peristiwa bahkan seni dalam kampus mempunyai tugas yang amat penting sebagai pengimbang dan terapi kepada pelajar.

Semasa Plato memberikan ceramah serta pidato beliau di kawasan awam di Greek purba pada masa dahulu, mereka mencari kawasan sesuai atau taman sebagai kuliah kerana ruang persekitaran taman awam pada masa itu dipenuhi flora dan fauna yang memberikan ketenangan kepada pelajar.

Bahkan ruang tersebut kadangkala terdapat seni arca yang mengagumkan pemimpin serta cendekiawan negara yang memberi inspirasi menambahkan lagi kelegaan kepada ketenangan minda para pelajar dalam memupuk sikap serta budi yang baik.

Berdasarkan kepada contoh yang telah diasaskan oleh tamadun Yunani purba maka pada hari ini kebanyakan kampus seluruh dunia dihiasi dengan seni lukis dan arca yang menambahkan keindahan kepada kampus serta menghidupkan suasana keseragaman antara warga di menara gading.

Walaupun terdapat kursus atau program kesenian dan budaya di sesebuah universiti, ini tidak menjamin bahawa seni awam dalam kampus itu sudah terlaksana. Apa yang perlu adalah kampus dihias bukan sahaja dengan kesenian bahkan fungsi dan bentuk susun letak infrastruktur bangunan kuliah juga diambilkira bagi menjadikan kampus bestari, bangunan pentadbiran serta keserasian landskap yang kreatif akan mewujudkan suasana serta pengalaman estetika dinamik kepada penghuni kampus institusi tersebut.

Seni dalam kampus mewujudkan dialog dalam ruang yang memperkayakan makna di antara warga IPT dan masyarakat luar terutama yang berurusan

dengan institusi tersebut. Keberadaan produk seni di setiap sudut kampus akan merayakan kegigihan pencarian ilmu di samping menggalakkan budaya ketelusan serta perkongsian ilmu yang bebas, yang sudah hilang matlamatnya dan dianggap oleh masyarakat moden sudah tidak relevan pada hari ini.

Oleh sebab itu seni dalam kampus tidak boleh diabaikan dan ia menjadi suatu agenda yang perlu diwujudkan di semua peringkat institusi awam dan swasta. Di samping kewujudan seni dalam kampus ia juga dapat membezakan identiti antara satu institusi dengan institusi yang lain kerana seni memberi karakter serta imej institusi itu.

Sebagai contoh sesebuah institusi yang mempunyai objek seni di dalam kampus akan diingati oleh para pengunjung dan mendatangkan nilai sentimental serta nostalgia kepada pelajarnya apabila meninggalkan institusi tersebut. Pelajar seni dan budaya khususnya dapat membuat rujukan dari sumber yang tulen.

Mural yang diciptakan Ibrahim Hossein yang terletak di pinggir padang Universiti Malaysia telah dibaik pulih oleh pihak universiti kerana pentadbir terdahulu telah menutupi mural tersebut dengan cat, ramai warga kampus meminta dipulihkan semula agar ikon kebanggaan institusi tersebut dapat membangkitkan semangat kecintaan atau (*Senses of Belongings*) kepada mereka.

Seni juga memeriahkan ruang dengan mencetuskan pengalaman kemanusiaan kepada masyarakat keseluruhannya.

Apakah kepentingan seni dalam kampus dari aspek budaya, akademik serta ekonomi jika ia direalisasikan di dalam kampus IPT tempatan. Kampus adalah ruang di mana warga seperti mahasiswa, pensyarah, pegawai sokongan, serta pekerja yang berkaitan universiti berkumpul, belajar, bertugas dan berinteraksi.

Bukan sahaja objektif berada di dalam kampus untuk mencari dan mengumpul ilmu, universiti IPT dan masyarakat luar terutama yang berurusan



ARCA di salah sebuah universiti di Amerika.



ARCA Merpati Putih di Fakulti FKSU/UMS.

moral warga institusi pengajian awam dan juga manusia sejagat.

Pada hari ini tidak semua manusia yang berilmu itu mempunyai budi dan moral yang tinggi dan tidak semua yang bermoral itu mempunyai pendidikan tinggi namun itulah objektif institusi pengajian tinggi untuk membina sahsiah manusia yang holistik. Oleh sebab itu ramai tokoh berpendapat bahawa seni adalah pemangkin memupuk nilai nilai yang baik serta berintegriti kerana menurut tokoh ilmuwan seperti Al-Rumi manusia yang berbudaya adalah manusia yang seni dan juga berakhlak yang menolak sengketa, perbalahan dan menegakkan kedamaian.

Seni awam dalam kampus bermaksud setiap ruang yang sesuai dihias dengan arca, lukisan, mural, mozek, muzik serta teks kata pujangga dan puisi yang dihias di dalam bilik kuliah, laman fakulti, laman siswa, ruang legar dewan besar IPT ataupun medan keliling (*round about*) jalan utama di mana terdapat semua warga universiti berkumpul atau bertumpu setiap masa.

Di samping itu sesebuah universiti juga perlu membina muzium dan galeri bagi menyimpan dan mempamerkan karya seni dan khazanah, warisan serta produk tamadun negara bagi rujukan serta penghayatan masyarakat.

Dari sejarah IPT Malaysia, salah sebuah institusi yang pertama memartabatkan seni dalam kampus secara serius adalah Universiti

Sains Malaysia bermula pada tahun 1971. Seni disemai pada mulanya oleh Naib Canselor USM yang pertama yang mempunyai wawasan bahawa seni adalah pemangkin (*catalyst*) kepada pendidikan sains dan teknologi yang dijalankan di institusi tersebut ketika itu.

Hasil dari wawasan tersebut maka USM juga menjadi institusi pertama mempunyai muzium seni yang belum terdapat di institusi lain. Pada hari ini terdapat setiap fakulti serta ruang universiti tersebut dihiasi dengan arca, mural serta lukisan yang datangnya dari muzium seni universiti.

Pada tahun 2010 dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia, *1Malaysia Contemporary Art Tourism Malaysia* (1Mcat), Galeri Seni Malaysia dan pelukis-pelukis Malaysia telah berganding bahu dengan Universiti Sains Malaysia melancarkan program Seni Dalam Kampus dengan jayanya secara besar besaran yang diberi nama *Sparkles in Penang*.

Hasil dari kolaborasi tersebut serta kerjasama mengintegrasikan seni dalam ruang pengajaran dan pentadbiran, USM berjaya menjadi Universiti Terulung (*Apex University*) di Malaysia sehingga hari ini.

Namun begitu terdapat beberapa kampus universiti tempatan yang lengang dengan hiasan karya seni di kampus mereka walaupun sesetengah institusi tersebut menawarkan kursus seni dalam program mereka. Ini berlaku kerana kebanyakan

pentadbiran institusi tinggi merasakan seni tidak mendatangkan impak terhadap warga mereka sedangkan sebagai contoh kebanyakan universiti terkenal di dalam dan luar negara di rantau ini berbangga dengan kesenian di kampus mereka umpamanya Universiti Singapura, Universiti Silpakhorn, Thailand dan Universitas Gajah Mada, Indonesia sebagai merujuk beberapa institusi yang memartabatkan kesenian sebagai budaya ilmunya serta membentuk sifat kemanusiaan yang tinggi.

Jika melawat ke kampus yang dirujuk khalayak akan terpujau dengan kehadiran karya seni di setiap ruang pengajaran dan pentadbiran mencirikan suasana pencarian ilmu yang sentiasa tegang dan berbahang.

Walaupun bagaimanapun merujuk kepada institusi tertinggi di negeri Sabah, Universiti Malaysia Sabah juga sedang melangkah ke arah mewujudkan universiti dalam taman seni dan budi. Salah satu karya seni yang ketara adalah menara jam UMS di persiaran universiti sebagai mercu tanda seni yang menjadi kebanggaan warga universiti sebagai sebuah

karya seni yang unik. Selain dari mempunyai Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan bertujuan memupuk ilmu kemanusiaan kepada mahasiswa bahkan juga tidak meninggalkan kepentingan seni sebagai elemen kepada pembentukan akhlak, moral serta nilai estetika kepada anak watan.

Bagi menyahut seruan kepentingan seni dalam kampus, maka pada tahun 2019 dijangka UMS akan mempunyai sebuah galeri seni yang terindah di antara institusi tinggi di Malaysia dan ini juga menjamin bahawa kepentingan seni akan menular di setiap ceruk dan sudut di kampus menjadikan ia sebuah kampus yang dinamik sesuai dengan wawasan transformasi ke arah Universiti Industri 4.0 sebagai institusi yang berwibawa di rantau ini.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

MURAL dalam kuliah.

